M A L A Y S I A

# Warta Kerajaan

S E R I P A D U K A B A G I N D A

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 49
No. 7

**31hb Mac 2005**

*TAMBAHAN No. 29*
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 109.**

AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

PERINTAH PENGGALAKAN PELABURAN (AKTIVITI DIGALAKKAN DAN KELUARAN DIGALAKKAN BAGI SYARIKAT BERTEKNOLOGI TINGGI) (PINDAAN) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) (Pindaan) 2005**.

(2) Subsubperenggan 2*(a)*(i) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 2001.

(3) Subsubperenggan 2*(a)*(ii) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2002.

(4) Subsubperenggan 2*(a)*(iii) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 5 Mei 2003.

(5) Subsubperenggan 2*(a)*(iv) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 Disember 2003.

(6) Subperenggan 2*(b)* dan subsubperenggan 2*(c)*(i) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 23 Ogos 2001.

(7) Subsubperenggan 2*(c)*(ii) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 April 2003.

(8) Subperenggan 2*(d)* dan 2*(e)* hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 Oktober 2003.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) 1995 [*P.U. (A) 32/1995*] dipinda dalam Jadual—

*(a)* berhubung dengan butiran I di bawah ruang "*Industri*"—

(i) dengan memasukkan selepas subbutiran (3) di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" subbutiran yang berikut:

"(4) Pembangunan dan pengeluaran tiub sinar katod dan paparan terkini";

(ii) dengan memasukkan selepas subbutiran (4) di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" subbutiran yang berikut:

"(5) Reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran kepala pencetak, kepala gimbal/kepala pedati, kepala tindan, kepala magnet, motor gegelung suara dan penggerak";

(iii) dengan memasukkan selepas subbutiran (5) di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" subbutiran yang berikut:

"(6) Pembangunan dan pengeluaran penyambung terkini"; dan

(iv) dengan memasukkan selepas subbutiran (6) di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" subbutiran yang berikut:

"(7) Pembangunan dan pengeluaran papan litar tercetak (PCB) yang tersaling hubung dengan berketebalan tinggi tidak termasuk papan litar tercetak bersisi tunggal tegar";

*(b)* dengan memasukkan selepas butiran XI di bawah ruang "*Industri*" butiran yang berikut:

"XII. Industri/perkhidmatan kejuruteraan sokongan";

*(c)* berhubung dengan butiran XII di bawah ruang "*Industri*"—

(i) dengan memasukkan di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" subbutiran yang berikut:

"(1) Reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran—

*(a)* trim dan acuan bentuk

*(b)* rongga separuh pengalir/acuan kapsul

*(c)* peralatan gantungan bagi bahagian pemacu cakera keras

*(d)* peralatan ansur bagi kerangka mendulu

*(e)* peralatan penghubung optik gentian"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subbutiran (1) di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" subbutiran yang berikut:

"(2) Reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran peralatan dan kelengkapan terkini bagi pengeluaran komponen/ bahagian kepersisian untuk kegunaan perindustrian

(3) Pembangunan dan pengeluaran bahagian kepersisian yang dimesin dan tuang beracuan menggunakan sistem pembuatan terkini";

*(d)* dengan memasukkan selepas butiran XII di bawah ruang "*Industri*" butiran yang berikut:

"XIII. Pemprosesan kayu"; dan

*(e)* dalam butiran XIII di bawah ruang "*Industri*", dengan memasukkan di bawah ruang "*Keluaran/Aktiviti*" subbutiran yang berikut yang berhubungan dengannya:

"(1) Pembangunan, pengujian dan pengeluaran hasil kayu yang terekabentuk".

Dibuat 17 Januari 2005
[MITI: ID/BI/S/1432; PN(PU$^2$)451/V]

RAFIDAH AZIZ
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

Bersetuju 3 Mac 2005

NOR MOHAMED YAKCOP
*Menteri Kewangan II*

## PROMOTION OF INVESTMENTS ACT 1986

### PROMOTION OF INVESTMENTS (PROMOTED ACTIVITIES AND PROMOTED PRODUCTS FOR HIGH TECHNOLOGY COMPANIES) (AMENDMENT) ORDER 2005

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for High Technology Companies) (Amendment) Order 2005**.

(2) Subsubparagraph 2*(a)*(i) shall be deemed to have come into operation on 1 November 2001.

(3) Subsubparagraph 2*(a)*(ii) shall be deemed to have come into operation on 22 August 2002.

(4) Subsubparagraph 2*(a)*(iii) shall be deemed to have come into operation on 5 May 2003.

(5) Subsubparagraph 2*(a)*(iv) shall be deemed to have come into operation on 11 December 2003.

(6) Subparagraph 2*(b)* and subsubparagraph 2*(c)*(i) shall be deemed to have come into operation on 23 August 2001.

(7) Subsubparagraph 2*(c)*(ii) shall be deemed to have come into operation on 25 April 2003.

(8) Subparagraphs 2*(d)* and 2*(e)* shall be deemed to have come into operation on 3 October 2003.

**Amendment of First Schedule**

2. The Promotion of Investments (Promoted Activities and Promoted Products for High Technology Companies) Order 1995 [*P.U. (A) 32/1995*] is amended in the Schedule—

*(a)* relating to item I under the column "*Industries*"—

(i) by inserting after subitem (3) under the column "*Products/ Activities*" the following subitem:

"(4) Development and production of cathode ray tubes and advanced displays";

(ii) by inserting after subitem (4) under the column "*Products/ Activities*" the following subitem:

"(5) Design, development and manufacture of printer heads, heads gimbals/head carriages, headstacks, magnetic heads, voice coil motors and actuators";

(iii) by inserting after subitem (5) under the column "*Products/ Activities*" the following subitem:

"(6) Development and production of advanced connectors"; and

(iv) by inserting after subitem (6) under the column "*Products/ Activities*" the following subitem:

"(7) Development and manufacturing of high density interconnect printed circuit boards (PCB) excluding rigid single-sided PCB";

*(b)* by inserting after item XI under the column "*Industries*" the following item:

"XII. Engineering support industries/services";

*(c)* relating to item XII under the column "*Industries*"—

(i) by inserting under the column "*Products/Activities*" the following subitem:

"(1) Design, development and manufacture of—

*(a)* trim and form dies

*(b)* semiconductor cavity/encapsulation moulds

*(c)* suspension tooling for hard disk drive parts

*(d)* progressive tooling for lead frames

*(e)* fibre optic connector tooling"; and

(ii) by inserting after subitem (1) under the column "*Products/ Activities*" the following subitem:

"(2) Design, development and manufacture of advanced tooling and equipment for the production of precision components/parts for industrial applications

(3) Development and production of precision machined and die cast parts using advanced manufacturing systems";

*(d)* by inserting after item XII under the column "*Industries*" the following item:

"XIII. Wood processing"; and

*(e)* in item XIII under the column "*Industries*", by inserting under the column "*Products/Activities*" the following subitem relating thereof:

"(1) Development, testing and processing of engineered wood products".

Made 17 January 2005
[MITI: ID/BI/S/1432; PN(PU$^2$)451/V]

RAFIDAH AZIZ
*Minister of International Trade and Industry*

Concur 3 March 2005

NOR MOHAMED YAKCOP
*Minister of Finance II*

**P.U. (A) 110.**

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM) (NO. 7) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 7) 2005** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 31 Mac 2005 hingga 13 April 2005.

**Pemungutan dan pembayaran duti kastam**

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [*P.U. (A) 15/96*], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (CRUDE PETROLEUM OIL) (NO. 7) ORDER 2005

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [*Act 23*5], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 7) Order 2005** and shall have effect for the period from 31 March 2005 to 13 April 2005.

**Levy and payment of customs duties**

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [*P.U. (A) 15/96*], the value of each of the dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be value specified in column (4) of the said Schedule.

JADUAL/*SCHEDULE*

| Barang *(Goods)* (1) | No. Kepala *(Heading No.)* (2) | Unit *(Unit)* (3) | Nilai *(Value)* (4) |
|---|---|---|---|
| PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE: | | | |
| Tapis Blend | 2709.00 100 | per barrel | RM185.59 |
| Labuan Crude | 2709.00 100 | per barrel | RM185.59 |
| Miri Light Crude | 2709.00 100 | per barrel | RM185.59 |
| Dulang | 2709.00 100 | per barrel | RM184.45 |
| Bintulu Crude | 2709.00 100 | per barrel | RM184.45 |
| Terengganu Condensate | 2709.00 900 | per barrel | RM181.03 |
| Bintulu Condensate | 2709.00 900 | per barrel | RM181.41 |
| Masa | 2709.00 100 | per barrel | RM185.59 |
| Asam Paya | 2709.00 100 | per barrel | RM185.52 |
| Kidurong | 2709.00 100 | per barrel | RM182.02 |
| Penara Blend | 2709.00 100 | per barrel | RM182.36 |

Dibuat 25 Mac 2005

Made 25 March 2005
[KE. HT. (34.11) 819/01-1/Klt. 7/(68); R.9003/54z-40;
PN(PU$^2$)338/VIII/Klt. 2(33)]

Dengan arahan Menteri Kewangan.
*By direction of the Minister of Finance.*

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/
*On behalf and in the name of the Minister of Finance*

MARY ARTYLAN FERNANDEZ
*Timbalan Setiausaha*
*Bahagian Analisa Cukai*

**P.U. (A) 111.**

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan Jadual Pertama) 2005**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2005.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dipinda dalam Jadual Pertama dalam Bahagian I dengan memasukkan selepas perenggan 18 perenggan yang berikut:

"19. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh seseorang pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*].

20. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh suatu agensi totalizator sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961 [*Akta 494*].

21. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh suatu kelab lumba kuda sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 [*Akta 404*].

22. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh seseorang notari awam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*].".

Dibuat 29 Mac 2005
[BNM/JUU; PN(PU$^2$)622/II]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
*Menteri Kewangan Kedua*

ANTI-MONEY LAUNDERING ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2005

IN exercise of the powers conferred by section 85 of the Anti-Money Laundering Act 2001 [*Act 613*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Anti-Money Laundering (Amendment of First Schedule) Order 2005**.

(2) This Order comes into operation on 31 March 2005.

**Amendment of First Schedule**

2. The Anti-Money Laundering Act 2001 is amended in the First Schedule in Part I by inserting after paragraph 18 the following paragraphs:

"19. Activities carried out by a licensee as defined in the Pool Betting Act 1967 [*Act 384*].

20. Activities carried out by a totalizator agency as defined in the Racing (Totalizator Board) Act 1961 [*Act 494*].

21. Activities carried out by a racing club as defined in the Racing Club (Public Sweepstakes) Act 1965 [*Act 404*].

22. Activities carried out by a notary public as defined in the Notaries Public Act 1959 [*Act 115*].".

Made 29 March 2005
[BNM/JUU; PN(PU[2])622/II]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
*Second Minister of Finance*

**P.U. (A) 112.**

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan Jadual Kedua) 2005**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2005.

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dipinda dalam Jadual Kedua—

*(a)* di bawah kepala "Akta Kastam 1967 [*Akta 235*]" dengan memasukkan selepas butiran 20 butiran yang berikut:

"

| *Kesalahan* | | *Perihalan** |
|---|---|---|
| 20A | Subseksyen 137(1) dan (2) | Memberi atau menerima rasuah |

";

*(b)* dengan memasukkan selepas kepala "Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [*Akta 82*]" dan sebelum kepala "Akta Penculikan 1961 [*Akta 365*]" kepala dan butiran yang berikut:

| *Kesalahan* | | *Perihalan** |
|---|---|---|
| **Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*]** | | |
| 42H | Subseksyen 3(1) | Menjalankan perniagaan perbankan Islam tanpa lesen |
| 421 | Seksyen 49 | Larangan penerimaan komisen oleh kakitangan |

";

*(c)* dengan memasukkan selepas kepala "Akta Cakera Optik 2000 [*Akta 606*]" dan sebelum kepala "Kanun Keseksaan [*Akta 574*]" kepala dan butiran yang berikut:

| *Kesalahan* | | *Perihalan** |
|---|---|---|
| **Akta Sistem Pembayaran 2003 [*Akta 627*]** | | |
| 47AA | Subseksyen 5(1) | Mengendalikan sistem pembayaran tanpa pemberitahuan bertulis daripada Bank Negara Malaysia |
| 47AB | Subseksyen 25(1) | Pengeluaran instrumen pembayaran yang ditetapkan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Bank Negara Malaysia |

";

*(d)* di bawah kepala "Akta Takaful 1984 [*Akta 312*]"—

(i) dengan memasukkan selepas butiran 120 butiran yang berikut:

| *Kesalahan* | | *Perihalan** |
|---|---|---|
| 120A | Seksyen 5 | Mengemukakan diri sebagai pengendali takaful berdaftar |

"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas butiran 121 butiran yang berikut:

| *Kesalahan* | | *Perihalan** |
|---|---|---|
| 121A | Subseksyen 37(1) | Bertindak atau mengemukakan diri sebagai broker takaful tanpa lesen |
| 121B | Subseksyen 38(1) | Bertindak atau mengemukakan diri sebagai ajuster melainkan jika pemegang suatu lesen |

".

Dibuat 29 Mac 2005
[BNM/JUU; PN(PU$^2$)622/II]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
*Menteri Kewangan Kedua*

ANTI-MONEY LAUNDERING ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2005

IN exercise of the powers conferred by section 85 of the Anti-Money Laundering Act 2001 [*Act 613*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Anti-Money Laundering (Amendment of Second Schedule) Order 2005**.

(2) This Order comes into operation on 31 March 2005.

**Amendment of Second Schedule**

2. The Anti-Money Laundering Act 2001 is amended in the Second Schedule—

*(a)* under the heading of "Customs Act 1997 [*Act 235*]" by inserting after item 20 the following item:

"

| *Offences* | | *Description** |
|---|---|---|
| 20A | Subsections 137(1) and (2) | Offering or receiving bribes |

";

*(b)* by inserting after the heading of "Internal Security Act 1960 [*Act 82*]" and before the heading of "Kidnapping Act 1961 [*Act 365*]" the following heading and items:

"

| *Offences* | | *Description** |
|---|---|---|
| **Islamic Banking Act 1983 [*Act 276*]** | | |
| 42H | Subsection 3(1) | Carrying on of Islamic banking business without licence |
| 421 | Section 49 | Prohibition on receipt of commission by staff |

";

*(c)* by inserting after the heading of "Optical Discs Act 2000 [*Act 606*]" and before the heading of "Penal Code [*Act 574*]" the following heading and items:

"

| *Offences* | | *Description** |
|---|---|---|
| **Payment Systems Act 2003 [*Act 627*]** | | |
| 47AA | Subsection 5(1) | Operating payment systems without written notification from Central Bank of Malaysia |
| 47AB | Subsection 25(1) | Issuing designated payment instruments without written approval from Central bank of Malaysia |

";

*(d)* under the heading of "Takaful Act 1984 [*Act 312*]"—

(i) by inserting after item 120 the following item:

| *Offences* | | *Description** |
|---|---|---|
| " 120A | Section 5 | Holding out as a registered takaful operator |

"; and

(ii) by inserting after item 121 the following item:

| *Offences* | | *Description** |
|---|---|---|
| " 121A | Subsection 37(1) | Acting or holding out as a takaful broker without licence |
| 121B | Subsection 38(1) | Acting or holding out as an adjuster unless the holder of a licence |

".

Made 29 March 2005
[BNM/JUU; PN(PU[2])622/II]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
*Second Minister of Finance*

**P.U. (A) 113.**

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
(PENGGUNAAN BAHAGIAN IV) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) 2005**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2005.

**Penggunaan perenggan 14*(b)*, seksyen 21 dan 24**

2. Peruntukan perenggan 14*(b)*, seksyen 21 dan 24 Akta digunakan berkenaan dengan—

*(a)* pemegang lesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*];

*(b)* agensi totalizator sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961 [*Akta 494*]; dan

*(c)* kelab lumba kuda sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 [*Akta 404*].

**Penggunaan perenggan 14*(b)*, seksyen 20 dan 24**

3. Peruntukan perenggan 14*(b)*, seksyen 20 dan 24 Akta digunakan berkenaan dengan notari awam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*] apabila mereka menggunakan kuasa dan fungsi di bawah Akta itu berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang berikut bagi klien mereka:

*(a)* membeli dan menjual harta tak alih;

*(b)* menguruskan wang, sekuriti atau harta lain klien;

*(c)* menguruskan akaun termasuklah akaun simpanan dan sekuriti;

*(d)* mengelola sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat-syarikat; atau

*(e)* menubuhkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau perkiraan dan membeli dan menjual entiti perniagaan.

**Penggunaan perenggan 14*(b)*, seksyen 20, 21 dan 24**

4. Peruntukan perenggan 14*(b)*, seksyen 20, 21 dan 24 Akta digunakan berkenaan dengan Bank Pertanian Malaysia, suatu institusi yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].

**Penggunaan seksyen 13, 15, 16, 17, 18, 19, 22, 25, 26, 27 dan 28**

5. Peruntukan seksyen 13, 15, 16, 17, 18, 19, 22, 25, 26, 27 dan 28 Akta digunakan berkenaan dengan perkhidmatan kewangan pos yang dijalankan oleh pejabat pos sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Pos 1991 [*Akta 465*].

Dibuat 29 Mac 2005
[BNM/JUU; PN(PU²)622/II]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
*Menteri Kewangan Kedua*

ANTI-MONEY LAUNDERING ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING (INVOCATION OF PART IV) ORDER 2005

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Anti-Money Laundering Act 2001 [*Act 613*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Anti-Money Laundering (Invocation of Part IV) Order 2005**.

(2) This Order comes into operation on 31 March 2005.

**Invocation of paragraph 14*(b)*, sections 21 and 24**

2. The provisions of paragraph 14*(b)*, sections 21 and 24 of the Act are invoked in respect of—

*(a)* licensee as defined in the Pool Betting Act 1967 [*Act 384*];

*(b)* totalizator agency as defined in the Racing (Totalizator Board) Act 1961 [*Act 494*]; and

*(c)* racing club as defined in the Racing Club (Public Sweepstakes) Act 1965 [*Act 404*].

**Invocation of paragraph 14*(b)*, sections 20 and 24**

3. The provisions of paragraph 14*(b)*, sections 20 and 24 of the Act are invoked in respect of notaries public as defined in the Notaries Public Act 1959 [*Act 115*] when they exercise their powers and functions under that Act in relation to the following activities for their clients:

*(a)* buying and selling of immovable property;

*(b)* managing of client's money, securities or other property;

*(c)* managing of accounts including savings and securities accounts;

*(d)* organising of contributions for the creation, operation or management of companies; or

*(e)* creating, operating or managing of legal entities or arrangements and buying and selling of business entities.

**Invocation of paragraph 14*(b)*, sections 20, 21 and 24**

4. The provisions of paragraph 14*(b)*, sections 20, 21 and 24 of the Act are invoked in respect of Bank Pertanian Malaysia, a prescribed institution as defined in the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*].

**Invocation of sections 13, 15, 16, 17, 18, 19, 22, 25, 26, 27 and 28**

5. The provisions of sections 13, 15, 16, 17, 18, 19, 22, 25, 26, 27 and 28 of the Act are invoked in respect of postal financial services carried by a post office as defined in the Postal Services Act 1991 [*Act 465*].

Made 29 March 2005
[BNM/JUU; PN(PU$^2$)622/II]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
*Second Minister of Finance*

**P.U. (A) 114.**

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian) (No. 2) 2005**.

**Pengecualian**

2. Tertakluk kepada perenggan 3, semua vesel tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa dengan nombor pendaftaran dan perihal yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, yang telah diberikan perakuan kelayakan setelah mematuhi kehendak di bawah perenggan 17*(b)* Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*], dikecualikan daripada persediaan untuk pemeriksaan ulangan yang berikutnya di bawah peruntukan yang sama selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu.

**Syarat pengecualian**

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat bahawa semua vesel tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah; dan bahawa keputusan pemeriksaan dan ujian itu adalah memuaskan.

JADUAL

| (1)<br>*No. Pendaftaran* | (2)<br>*Perihal Vesel Tekanan Tidak Berapi* |
|---|---|
| PMT 35774 | Pemisah Pusuan Minyak Mentah |
| PMT 35773 | Pemisah Gas-Minyak-Air |
| PMT 35772 | Pemisah Gas-Minyak-Air |
| PMT 35786 | Penerima Udara Mula |
| PMT 35784 | Gelendong Ketuk Keluar Nyala Tekanan Tinggi |
| PMT 35783 | Gelendong Ketuk Keluar Nyala Tekanan Rendah |
| PMT 35781 | Penyahgas |
| PMT 35775 | Pemisah Pusuan Minyak Mentah |
| PMT 35788 | Penerima Udara Kering |
| PMT 38043 | Pemendak Elektrostatik |
| PMT 35790 | Gelendong Pusuan Minyak |
| PMT 38042 | Pemendak Elektrostatik |

| (1) *No. Pendaftaran* | (2) *Perihal Vesel Tekanan Tidak Berapi* |
|---|---|
| PMT 35787 | Penerima Udara Basah |
| PMT 35792 | Pemisah Bahan Api Gas Pemanas |
| PMT 35779 | Penggahar Bahan Api Pemampat Turbo |
| PMT 35777 | Penggahar Sedutan Peringkat Pertama |
| PMT 12245 | Pemanas Penembak Minyak Panas |
| PMT 35809 | Penerima Udara |
| PMT 38110 | Penukar Haba Gas Bahan Api |
| PMT 38149 | Pemisah Buangan Peringkat Pertama |
| PMT 69293 | Penukar Haba Dingin Udara |
| PMT 69294 | Penukar Haba Dingin Udara |
| PMT 69297 | Penukar Haba Dingin Udara |
| PMT 69298 | Penukar Haba Dingin Udara |
| PMT 35776 | Penggahar Sedutan Peringkat Pertama |
| PMT 35801 | Penerima Udara Mengufuk/Mendatar |
| PMT 35800 | Penerima Udara Mengufuk/Mendatar |
| PMT 35785 | Penjana Tangki Diesel Hari Pengganti |
| PMT 38447 | Tangki Pundi Mengufuk/Mendatar 400 Gelen |
| PMT 35793 | Penerima Udara Mengufuk/Mendatar |
| PMT 35803 | Penerima Udara Mengufuk/Mendatar |
| PMT 35804 | Penerima Udara Mengufuk/Mendatar |
| PMT 35805 | Penerima Udara Mengufuk/Mendatar |
| PMT 35807 | Penerima Udara Mengufuk/Mendatar |
| PMT 38448 | Tangki Pundi Mengufuk/Mendatar 400 Gelen |
| PMT 38275 | Sistem Tangki Gegendang Mengufuk/Mendatar 400 Gelen |
| PMT 70649 | Pendingin Udara Tekanan Tinggi |
| PMT 70650 | Pendingin Udara Tekanan Tinggi |
| PMT 70651 | Pendingin Udara Tekanan Tinggi |
| PMT 35810 | Penerima Udara |
| PMT 107153 | Pemampat Sedutan Penggalak |

Dibuat 29 Mac 2005
[KSM/PUU/S/01/08 Jld. 3(28); PN(PU$^{2}$)235/IX]

DATUK WIRA DR. FONG CHAN ONN
*Menteri Sumber Manusia*

FACTORIES AND MACHINERY ACT 1967

FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2005

IN exercise of the powers conferred by subsection 55(3) of the Factories and Machinery Act 1967 [*Act 139*], the Minister makes the following order:

## Citation

1. This order may be cited as the **Factories and Machinery (Exemption) (No. 2) Order 2005**.

## Exemption

2. Subject to paragraph 3, all unfired pressure vessels registered with the Chief Inspector with the registration numbers and descriptions as specified in columns (1) and (2) of the Schedule, which have been issued with certificates of fitness upon compliance with the requirement under paragraph 17*(b)* of the Factories and Machinery (Notification, Certificate of Fitness and Inspection) Regulations 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] are exempted from the preparation for subsequent regular inspection under the same provision after expiry of such certificate of fitness.

## Condition of exemption

3. The exemption under paragraph 2 is subject to the condition that all of the unfired pressure vessels as specified in the Schedule undergo external inspection and non-destructive tests; and that the results of the inspection and tests are satisfactory.

SCHEDULE

| (1)<br>*Registration No.* | (2)<br>*Description of Unfired Pressure Vessel* |
|---|---|
| PMT 35774 | Crude Surge Separator |
| PMT 35773 | Gas-Oil-Water Separator |
| PMT 35772 | Gas-Oil-Water Separator |
| PMT 35786 | Starting Air Receiver |
| PMT 35784 | HP Flare Knockout Drum |
| PMT 35783 | LP Flare Knockout Drum |
| PMT 35781 | Degasser |
| PMT 35775 | Crude Surge Separator |
| PMT 35788 | Dry Air Receiver |
| PMT 38043 | Electrostatic Precipitator |
| PMT 35790 | Oil Surge Drum |
| PMT 38042 | Electrostatic Precipitator |
| PMT 35787 | Wet Air Receiver |
| PMT 35792 | Heater Fuel Gas Separator |
| PMT 35779 | Turbo Compressor Fuel Gas Scrubber |
| PMT 35777 | First Stage Suction Scrubber |
| PMT 12245 | Hot Oil Fired Heater |
| PMT 35809 | Air Receiver |
| PMT 38110 | Fuel Gas Heat Exchanger |

| (1) *Registration No.* | (2) *Description of Unfired Pressure Vessel* |
|---|---|
| PMT 38149 | First Stage Discharge Separator |
| PMT 69293 | Air Cooled Heat Exchanger |
| PMT 69294 | Air Cooled Heat Exchanger |
| PMT 69297 | Air Cooled Heat Exchanger |
| PMT 69298 | Air Cooled Heat Exchanger |
| PMT 35776 | First Stage Suction Scrubber |
| PMT 35801 | Horizontal Air Receiver |
| PMT 35800 | Horizontal Air Receiver |
| PMT 35785 | Standby Generator Diesel Day Tank |
| PMT 38447 | 400 Gallon Horizontal Bladder Tank |
| PMT 35793 | Horizontal Air Receiver |
| PMT 35803 | Horizontal Air Receiver |
| PMT 35804 | Horizontal Air Receiver |
| PMT 35805 | Horizontal Air Receiver |
| PMT 35807 | Horizontal Air Receiver |
| PMT 38448 | 400 Gallon Horizontal Bladder Tank |
| PMT 38275 | 400 Gallon Horizontal Diaphragm Tank System |
| PMT 70649 | High Pressure Gas Cooler |
| PMT 70650 | High Pressure Gas Cooler |
| PMT 70651 | High Pressure Gas Cooler |
| PMT 35810 | Air Receiver |
| PMT 107153 | Booster Compressor Suction |

Made 29 March 2005
[KSM/PUU/S/01/08 Jld. 3(28); PN(PU$^2$)235/IX]

DATUK WIRA DR. FONG CHAN ONN
*Minister of Human Resources*

**P.U. (A) 115.**

## AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN) (TENAGA YANG BOLEH DIPERBAHARUI) 2005

PEMBETULAN

DALAM teks bahasa Inggeris P.U. (A) 88 yang disiarkan pada 3 Mac 2005, gantikan perkataan “two-fifth” yang terdapat dalam kaedah 5 dengan perkataan “four-fifth”.

# INCOME TAX ACT 1967

## INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE) (RENEWABLE ENERGY) RULES 2005

### CORRIGENDUM

IN the English language text of P.U. (A) 88 published on 3 March 2005, substitute for the words "two-fifth" appearing in rule 5 the words "four-fifth".

[Perb. CR(8.09)294/6/2-9(SJ 5) Vol. 5 (SK 2);
LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.6; PN(PU[2])80/XLIII]

**Hakcipta Pencetak** (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA